

PM: Saya difitnah arah tangkap

UM 21 MAR 2000

KUALA LUMPUR 20 Mac — Perdana Menteri mendedahkan hari ini terdapat pihak tertentu di Kelantan yang menyebarkan fitnah kononnya beliau mengarahkan kerajaan Arab Saudi menangkap warga Malaysia yang berada di sana dengan visa umrah untuk menunaikan haji baru-baru ini.

Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebenarnya jemaah umrah itu berada di sana tanpa visa haji dan ini sememangnya bercanggah dengan undang-undang Arab Saudi.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini, beliau yang juga Presiden UMNO berkata, sebelum ini kerajaan Arab Saudi tidak bertindak ke atas jemaah umrah yang menyalahgunakan visa mereka.

Bagaimanapun oleh kerana jumlah mereka yang mengerjakan umrah meningkat tahun ini, kerajaan Arab Saudi terpaksa bertindak.

Kata Dr. Mahathir, beliau telah mendapat laporan daripada Konsul Jeneral Malaysia di Jeddah, Datuk Syed Hussein Al-Habshee, bahawa keadaan jemaah umrah terbabit yang ditahan dalam penjara adalah amat menyedihkan.

Apabila mendapat laporan itu, katanya, beliau telah berbincang dengan Datuk Dr. Abdul Hamid Othman (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan membuat keputusan untuk membawa mereka pulang

jemaah salah guna visa

jika rancangan itu dibenarkan oleh kerajaan Arab Saudi.

“Kita berbuat demikian kerana kita merasa bertanggungjawab terhadap rakyat kita yang ditimpa nasib buruk.

“Kerajaan bersedia untuk membebankan wang untuk membayar tambang bagi membawa mereka balik ke Malaysia,” jelas beliau.

Malangnya kata Perdana Menteri, ada pihak-pihak di Kelantan menu-

duh kononnya beliau yang mengarahkan supaya jemaah umrah terbabit ditangkap.

“Inilah kalau manusia hidup menggunakan fitnah untuk mendapatkan sokongan, mereka akan melamparkan fitnah sepanjang masa.

“Ia sudah menjadi amalan kepada golongan yang betul-betul tidak berpegang kepada ajaran Islam,” tegas beliau dengan nada kesal.

Katanya, beliau tidak akan berbu-

at apa-apa mengenai perkara itu, sebaliknya berserah kepada Tuhan.

“Bila kita tolong orang... inilah balasannya,” kata Dr. Mahathir.

Pada 11 Januari lalu 363 jemaah umrah Malaysia ditahan oleh pihak berkuasa Arab Saudi kerana didakwa menyalahgunakan visa umrah mereka.

Mereka dibawa pulang secara berperingkat-peringkat melalui penerbangan yang diuruskan oleh kerajaan Malaysia dan Arab Saudi.